

ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN, SELANGOR
BILANGAN 2/1980

=====

PELAN SUREHAN (TRACING) TANAH YANG DIPOHON

Tiap-tiap permohonan tanah hendaklah mengandungi satu pelan lakar (sketch pelan) untuk menentukan tanah yang dipohon. Jika tanah dipohon itu tidak dapat dicamkan maka permohonan itu bolehlah ditolak seterusnya. (Summary rejection).

Jika pelan itu boleh dicamkan dan tiada lain-lain halangan bolehlah permohonan ini didaftarkan dan Collector of Land Revenue akan meminta Penyuruh Pelan (Tracer) mencatat permohonan itu (charting) ke dalam pelan pejabat dan menyediakan satu surehan (tracing). Penyuruh akan mencatatkan pelan permohonan didalam pelan pejabat dan menyediakan satu surehan dan akan membuat satu lapran kecil menyatakan taraf tanah itu dan samada sudah dipohon atau berlapis dan sebutkan permohonan-permohonan yang melapisi itu.

Tiap-tiap fail permohonan hendaklah mengandungi satu surehan permohonan tanah itu berukuran 8' x 1' supaya pegawai-pegawai yang bertanggungjawab di atas permohonan itu dapat menyemak diantara tanah yang dipohon dengan yang diperakukan dan dengan pelan-pelan tertentu.

Ada terdapat beberapa kes dimana lain tempat dipohon dan lain tempat dipohon dan lain tempat yang disyorkan. Sepatutnya jika tempat dipohon itu tiada kosong permohonan itu hendaklah disyorkan tolak. Tetapi pemohon bolehlah memohon ditempat yang lain yang boleh diberimilik. Biasanya permohonan tiada sepatutnya diluluskan tanah yang tiada dipohonnya.

Pemungut Hasil Tanah adalah diminta menentukan supaya tiap-tiap permohonan dicatat dipelan pejabat dan tiap-tiap fail permohonan ada mengandungi satu surehan; tetapi 4 keping pelan yang dikehendaki dengan kertas ringkasan bolehlah dibuat seperti biasa.

T.T
(Datuk Raja Brima Sulong B. Raja Rome)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR.

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Selangor,
Shah Alam

Tarikh : 7hb. Mac, 1980